



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI TERENGGANU**

Tingkat 11, Wisma Persekutuan,
20594 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-627 8200
Faks : 09-622 2137
Website : www.anm.gov.my

Ruj.Kami : JANM.TRG. PD.400-3/7(54)
Tarikh : 1 Julai 2025

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/Ketua Pusat Tanggungjawab(PTJ)

Tuan,

**PERLANTIKAN POS MALAYSIA BERHAD SEBAGAI AGENSI PUKAL BAGI
KEMUDAHAN BAYARAN PUKAL JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia(JANM) telah mengeluarkan Surat Edaran BPOPP Bilangan 7 Tahun 2025 Pelantikan Pos Malaysia Berhad Sebagai Agensi Pukal Bagi Kemudahan Bayaran berhubung Pukal Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 24 Jun 2025. Ianya merupakan tindakan bersama PTJ dan Pejabat Perakaunan dalam mewujudkan Akaun Pukal Pos Malaysia Berhad.

3. Sehubungan itu, kerjasama semua PTJ untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- i) PTJ perlu menyelesaikan semua tunggakan bil/invois terlebih dahulu;
- ii) hanya akaun yang tidak mempunyai tunggakan sahaja dibenarkan untuk mewujudkan Akaun Pukal;
- iii) proses pewujudan Akaun Pukal, PTJ perlu mengunci masuk Kew.310e (Kod Vendor: 20000000041) di Portal iGFMS dan akan disemak oleh Pejabat Perakaunan;
- iv) kemaskini status pembayaran bil dan pewujudan akaun pukal melalui link yang akan diberikan melalui emel atau *whatsapp*; dan
- v) sekiranya nombor Akaun Pukal tiada dalam senarai *sheet* AO Terengganu, PTJ perlu menyenaraikan nombor akaun pukal berkenaan di *sheet* Data Tambahan Akaun Pukal.

4. Pewujudan Akaun Pukal Pos Malaysia bermula 1 Julai 2025 dan **tarikh permulaan bagi pembayaran melalui Bayaran Pukal adalah pada bulan Ogos 2025** bagi bil bulan Julai 2025. Surat ini hendaklah dibaca bersama Surat Edaran BPOPP Bilangan 7 Tahun 2025.

5. Sebarang kemusykilan, boleh berhubung Pn. Norasikin binti Nordin dan Pn. Fadzilah bt Abu Bakar di talian 09-6278204/09-6278222. Kerjasama dan tindakan semua PTJ amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZLAN BIN MUDA, C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Terengganu